

Penjadualan semula bayaran balik pinjaman ditimbang

MM 22/6/08

M/S 10

Oleh **ABDUL RAZAK DIN**

PARIT 21 Jun - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) bersedia untuk menjadualkan semula pembayaran balik pinjaman usahawan berikutan kenaikan harga bahan api, kata Menteri, Datuk Noh Omar.

Beliau berkata, kementeriannya sedia menimbang untuk menjadualkan semula pinjaman menerusi agensinya seperti Mara, Tabung Usaha Kumpulan Ekonomi Niaga (TEKUN) dan tiga buah bank termasuk SME Bank, dengan para peminjam perlu mengemukakan rayuan terlebih dahulu.

Katanya, kementerian mengangap penjadualan semula pambayaran

adalah lebih baik berbanding usahawan berkenaan dikenakan tindakan mahkamah yang mungkin mengakibatkan mereka diisytiharkan bankrap.

"Kita sedia memberi pertimbangan untuk menjadualkan semula segala pinjaman atau memberi kelonggaran supaya mereka mendapat kemudahan pembayaran yang lebih rendah," katanya kepada pemberita selepas menutup Kursus Giat Mara di Pejabat UMNO Parit di sini hari ini.

Katanya, sebagai contoh, jika seseorang usahawan itu membuat



NOH OMAR

berkenaan.

"Semoga dengan penjadualan semula pinjaman ini akan memberikan keuntungan yang baik kepada peminjam berkenaan dan kemung-

pinjaman selama lima tahun, pihaknya mungkin boleh melanjutkannya kepada enam atau tujuh tahun atau mana satu yang lebih mudah.

"Kita sedar dengan kenaikan harga barang dan sebagainya sekarang serta kenaikan petroleum, dan ini sudah tentu membebankan usahawan

kinan mereka mampu membayar semula pinjaman," katanya.

Noh berkata, di samping penjadualan semula pinjaman, pihaknya juga sedia memberi peluang kedua kepada peminjam untuk meminjam semula bagi sesuatu perniagaan atau projek.

Sehubungan itu, beliau telah mengarahkan agensinya supaya tidak menghalang pinjaman kedua walaupun pinjaman pertama belum dilunaskan.

"Kita beri pinjaman kedua ini kerana mungkin cadangan perniagaan kali ini lebih baik dan mungkin boleh membayar kembali pinjaman pertamanya," katanya.

Noh juga berkata, Giat Mara akan berusaha membasmi kemiskinan dalam kalangan rakyat me-

lalui penajaan pendapatan dan membantu keluarga melalui kursus-kursus yang ditawarkan.

Katanya, banyak kursus disediakan oleh Giat Mara menurus kepada menjana pendapatan seperti menjahit, kimpalan, automotif dan kemahiran lain.

Beliau berkata, sebaik sahaja menamatkan kursus, pelatih akan dibekalkan mesin-mesin dan peralatan untuk membolehkan mereka menjalankan perniagaan.

"Mungkin buat permulaan, mereka boleh memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dahulu dan setelah mendapat pelanggan dan kepercayaan, mungkin boleh membesarkan perniagaan dan menjana pendapatan yang lebih baik," katanya.